

MODUL PENYUNTINGAN AUDIO & VIDEO

PENGENALAN

Kemajuan teknologi dalam bidang audio dan video telah memungkinkan penggunaan sumber-sumber tersebut secara meluas. Antara faktor yang menyebabkan berlaku penggunaan sumber-sumber audio dan video secara meluas adalah kebolehan untuk mengubahkannya dalam bentuk digital. Antara kesan-kesan yang dapat diperhatikan kini adalah penggunaan pita-pita audio dan video yang semakin pupus, khususnya, pita video. Dengan kemunculan video dalam bentuk cakera padat (VCD) kini tidak ada lagi penghasilan video dalam bentuk pita.

Malahan dengan wujudnya perakam suara secara digital, pita kaset juga akan semakin pupus pada masa akan datang. Penggunaan *Walkman* yang menggunakan pita kaset (analog) semakin diganti dengan *Walkman* yang menggunakan media elektronik (digital) iaitu yang menggunakan format MP3.

Dalam bidang pendidikan, seseorang guru dapat mengeksplorasikan mode digital ini untuk meningkatkan gaya pengajarannya dengan mudah tetapi berkesan.

SKOP MODUL

Penyuntingan audio dan video merupakan suatu bidang yang amat meluas. Ia melibatkan proses-proses yang pelbagai dan kompleks. Walau bagaimanapun, dalam modul ini, penyuntingan hanya **terhad** kepada penyuntingan yang paling mudah. Ia bertujuan untuk membantu dan memudahkan tugas guru dalam pengajarannya.

Contohnya dalam sesuatu tayangan gambar video mungkin terdapat suatu babak tertentu yang ingin ditayangkan oleh seseorang guru kepada pelajar-pelajarnya sebagai bahan set induksi atau bagi mengajar suatu nilai murni. Katakan tempoh babak tersebut adalah 3 minit sahaja. Maka penyuntingan di sini hanya semata-mata mengestrakkan babak 3 minit tersebut agar dapat ditayangkan melalui persembahan PowerPoint.

Suatu lagi contoh ialah penayangan gambar video mengenai bagaimana lembu beranak atau bagaimana labah-labah menjadi pemangsa.

Modul ini akan menunjukkan beberapa perisian untuk menyunting audio dan video dan bagaimana menggunakan hasil suntingan itu dalam suatu persembahan PowerPoint.


HASIL PEMBELAJARAN

Di akhir modul ini, peserta kursus dapat menyunting audio dan video bagi penggunaan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

MENYUNTING AUDIO 1


Perisian : MICROSOFT Windows Media Player

1. Klik butang **start**. Pilih **Programs** dan kemudian klik **Windows Media Player**. (Rujuk Rajah 1.1).




Rajah 1.1

2. Sekiranya tettingkap **Windows Media Player** masih belum dibesarkan secara maksimum, klik butang **Maximize** untuk membesarkan.




Rajah 1.2

3. Klik pilihan **Copy from CD**.
4. Klik menu **Tools** dan pilih **Options**.
5. Satu kekotak bertajuk **Options** akan muncul (Rujuk Rajah 1.3).
6. Pilih opsiyen **Copy Music** (Rujuk Rajah 1.3).
7. Klik butang **Change** (Rujuk Rajah 1.3).
8. Satu kekotak bertajuk **Browse For Folder** akan muncul (Rujuk Rajah 1.4).
9. Kenalpasti folder di mana anda akan menyimpan lagu yang akan dirakamkan dalam bentuk digital. Di sini contoh folder yang dipilih ialah **KDP8MBestari_rca\05_audio** yang terletak pada **Desktop** (Rujuk Rajah 1.4).
10. Klik butang **OK** pada kekotak **Browse For Folder**.




Rajah 1.3



Rajah 1.4

11. Pastikan petak putih sebelah ***Eject CD when copying is completed*** bertanda betul. Juga, pastikan petak ***Copy protect music*** dan petak ***Copy CD when inserted*** tidak bertanda apa-apapun.
12. Klik butang **OK** pada kekotak **Options**.
13. Masukkan CD audio yang ingin dirakam daripada format **cda** ke dalam bentuk digital.
14. Sekiranya lagu mula dimainkan oleh **Windows Media Player**, hentikannya dengan mengklik butang **Stop** (Rujuk Rajah 1.5).



Rajah 1.5

15. Perhatikan bahawa 15 lagu telah ditanda untuk rakaman. Klik kotak **Check** (yang atas sekali) untuk membuang tanda betul itu. Kini semua lagu sudah tidak terpilih untuk rakaman. Semua tanda betul telah dipadamkan.

NOTA : Bilangan lagu yang tertayang bergantung kepada CD audio yang telah dimasukkan.

16. Sila klik petak tanda sebelah lagu yang ingin dirakamkan itu. Katakan, kita ingin merakam lagu Track 7 dan lagu Track 11, sila klik petak putih sebelah angka 7 dan sebelah angka 11 untuk meletakkan satu tanda betul di dalam petak-petak tersebut.

17. Klik butang **Copy Music** untuk mula merakam lagunya (Rujuk Rajah 1.5).

18. Apabila tamat merakam kedua-dua lagu yang dikehendaki, CD audio akan dikeluarkan (**eject**) sendiri. Simpankan CD audio semula di dalam bekasnya.


19. Anda telah berjaya merakam lagu dalam format **cda** kepada format **wma**.

20. Anda boleh mendapati lagu yang telah dirakam tersimpan di dalam folder yang telah anda tetapkan pada langkah 9 di atas tadi.

MENYUNTING AUDIO 2

Perisian : MUSICMATH Jukebox

1. Klik butang **start**. Pilih **Programs**, pilih **MUSICMATCH** dan kemudian klik **MUSICMATCH Jukebox**. (Rujuk Rajah 1.6).



Rajah 1.6

2. Sekiranya perisian ini tidak ada pada komputer anda, sila buat installasi perisian ini. **Setup** bagi perisian ini boleh didapati daripada folder **MUSICMATCH** yang terletak di dalam folder **KDP8MBestari02_Utiliti** dalam **CD Modul Pengajaran BESTARI**.



Rajah 1.7

Butang **Stop**

3. Antaramuka seperti dalam Rajah 1.7 akan muncul.
4. Masukkan CD audio yang ingin dirakam daripada format **cda** ke dalam bentuk digital.
5. Sekiranya lagu mula dimainkan oleh **MUSICMATCH Jukebox**, hentikannya dengan mengklik butang **Stop** (Rujuk Rajah 1.7).
6. Antaramuka seperti dalam Rajah 1.7 kini bertukar seperti dalam Rajah 1.8. Sekiranya antaramuka tidak bertukar, sila klik butang **CD**.




Rajah 1.8

Butang **RECORD**

Butang **RECORD**

7. Perhatikan bahawa 15 lagu telah ditanda untuk rakaman.
- NOTA** : Bilangan lagu yang tertayang bergantung kepada CD audio yang telah dimasukkan.
8. Klik mana-mana butang **RECORD** (Rujuk Rajah 1.8).
 9. Antaramuka seperti dalam Rajah 1.8 akan bertukar seperti dalam Rajah 1.9.
 10. Perhatikan bahawa semua lagu telah terpilih untuk rakaman iaitu terdapat tanda betul dalam petak tanda di antara nombor bilangan dan tajuk lagu.
 11. Klik butang **NONE** untuk membuang semua tanda betul pada petak tanda (Rujuk Rajah 1.9).



Rajah 1.9

Butang **RECORD**

Butang **ALL**

Butang **NONE**

12. Klik petak tanda bagi lagu-lagu yang ingin dirakamkan atau klik butang **ALL** untuk menanda semula semua petak tanda kalau anda ingin merakam semua lagu dalam CD audio itu (Rujuk Rajah 1.9).


13. Sebelum membuat rakaman sila tetapkan destinasi folder rakaman. Klik menu **Options** kemudian klik **Settings**. Satu kekotak bertajuk **Settings** akan muncul (Rujuk Rajah 1.11).

14. Klik opsyen **Recorder**. Kemudian klik butang **Tracks Directory**. (Rujuk Rajah 1.11).


15. Satu kekotak bertajuk **New Tracks Directory Options** akan muncul (Rujuk Rajah 1.10).

16. Klik butang **Browse**.

17. Satu kekotak bertajuk **Browse For Folder** akan muncul (Rujuk Rajah 1.4).



Rajah 1.10



Rajah 1.11

18. Kenalpasti folder di mana anda akan menyimpan lagu yang akan dirakamkan dalam bentuk digital. Di sini contoh folder yang dipilih ialah ***KDP8MBestari_rca\05_audio*** yang terletak pada Desktop (Rujuk Rajah 1.4)
19. Klik butang **OK** pada kekotak ***Browse For Folder***.
20. Klik butang **RECORD** (Rujuk Rajah 1.9) untuk merakam lagu-lagu yang telah anda tetapkan pada langkah 12 tadi.
21. Apabila rakaman sudah menunjukkan status 100% ini bermakna lagu-lagu yang dipilih sudah selesai dirakam pada folder yang telah ditetapkan pada langkah 18.
22. Anda boleh gunakan audio yang telah dirakam tadi di dalam persembahan slaid MS Powerpoint anda.

MENYUNTING VIDEO 1


Pengenalan

Anda mungkin mempunyai bahan video untuk digunakan dalam aktiviti pengajaran melalui persembahan slaid MS Powerpoint. Oleh sebab bahan video itu terlalu panjang dan anda ingin mengambil bahagian tertentu sahaja, anda perlu menyuntingnya. Dengan menggunakan perisian penyuntingan video yang mudah, anda dapat memilih babak-babak tertentu mengikut keperluan dan kesesuaian persembahan anda.


Hasil Pembelajaran

Pada akhir modul ini, peserta akan dapat menyunting video bagi kegunaan pengajaran dan pembelajaran.


Perisian : MICROSOFT Windows Movie Maker




1. Dalam Windows XP, buka program Windows Movie Maker.




2. Klik File → Import




3. Pilih fail video yang ingin disunting.




4. Dalam ruang collections, klik pada klip video yang hendak disunting dan seretkan ke dalam Timeline/Storyboard.




5. Klik pada menu View —> Timeline







7. Untuk memilih bagian akhir suntingan, seretkan mouse pada *seek bar* Seterusnya klik Clip → Set End Trim Point.



8. Seterusnya, klik File → Save Movie.



9. Masukkan *Title* yang sesuai.



10. Simpan video yang telah disunting ke dalam folder yang berkaitan. Anda boleh gunakan video yang telah disunting ini dalam persembahan slaid MS Powerpoint anda.

MENYUNTING VIDEO 2

Pengenalan

Anda boleh menyunting suatu babak tayangan video daripada suatu VCD bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran. Dengan menggunakan perisian penyuntingan video yang mudah, anda dapat memilih babak-babak tertentu mengikut keperluan dan kesesuaian persembahan anda. Contohnya, mengambil babak pergaduhan antara bapa dan anak dalam filem **Anakku Sazali** untuk tujuan penerapan nilai murni atau sebagainya.

Babak yang telah disunting itu boleh ditayangkan melalui persembahan slaid MS Powerpoint di samping slaid-slaid pengajaran yang lain.

Skop

Modul ini bertujuan untuk menyunting dari segi **memotong** keluar babak tayangan video yang dikehendaki dan tidak akan menyentuh penyuntingan-penyuntingan jenis lain seperti memasukkan tulisan seperti sub-tajuk, memasukkan lagu, pengubahsuaian warna dan sebagainya.


Perisian : VCD Cutter v.4.04

1. Perisian VCD Cutter v.04 boleh diperolehi dari sub-folder **VCD Cutter v4.04** yang terletak di dalam folder **KDP8MBestari02_Utiliti** dalam **CD Modul Pengajaran BESTARI**.
2. Mulakan perisian VCDCut.exe daripada CD Modul Pengajaran Bestari


ATAU

Salinkan seluruh foldernya daripada CD ke harddisk dan mulakan perisiannya daripada harddisk (Rujuk Rajah 1.13).

3. Satu kekotak bertajuk **Shareware Reminder** akan muncul. Klik butang **OK** (Rujuk Rajah 1.12).
4. Antaramuka seperti dalam Rajah 1.14 akan muncul.



Rajah 1.12




Rajah 1.13




Rajah 1.14


5. Masukkan **VCD** yang ingin disunting.
6. Klik menu **File** dan pilih **Open Movies**.
7. Satu kotak bertajuk **Open Files** akan muncul (Rujuk Rajah 1.15).
8. Klik butang segitiga di sebelah hujung kanan **Look in:** dan pilih **CD Drive (E:)** (Rujuk Rajah 1.15).
9. Antaramuka seperti dalam Rajah 1.15 akan bertukar seperti dalam Rajah 1.16
10. Dwiklik folder bernama MPEGAV.



Rajah 1.15




Rajah 1.16




Rajah 1.17

11. Antaramuka seperti dalam Rajah 1.16 akan bertukar seperti dalam Rajah 1.17. Dua fail **.dat** kelihatan. Bilangan fail bergantung kepada VCD itu sendiri. Ada VCD yang hanya mengandungi satu sahaja fail **.dat**. Ada pula yang mengandungi lebih daripada sepuluh fail **.dat**.
12. Sila pilih fail **.dat** yang ingin disunting.
13. Bawa seek bar ke titik permulaan babak yang ingin disunting. Klik butang Mark In (Rujuk Rajah 1.18).
14. Bawa seek bar ke titik penamat babak yang ingin disunting. Klik butang Mark Out (Rujuk Rajah 1.18).
15. Klik butang Add to Clip List (Rujuk Rajah 1.18).
16. Klik butang Make Clips (Rujuk Rajah 1.18). Satu kotak Save As akan muncul. Kenalpasti folder di mana anda akan menyimpan klip video yang akan dirakamkan. Di sini contoh folder yang dipilih ialah **KDP8MBestari_rca\06_video** yang terletak pada **Desktop** (Rujuk Rajah 1.19). Nama fail ialah **Babak1**.
17. Klik butang Save (Rujuk Rajah 1.19).
18. Apabila rakaman sudah menunjukkan status 100% ini bermakna klip video sudah selesai dirakamkan (Rujuk Rajah 1.18).



Rajah 1.18

19. Anda boleh gunakan klip video yang telah dirakam tadi di dalam persembahan slaid MS Powerpoint anda.



Rajah 1.19

